

Status Patuh Syariah *E-Money* Bagi Akaun *E-Wallet* Popular Di Malaysia

Sharia Compliant Status of E-Money in Popular Malaysian E-Wallet Account

Khairul Azmil Md Noor & Amir Fazlim Jusoh Yusoff ✉

Research Centre for Sharia, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

ABSTRAK

E-Wallet atau dompet digital merupakan aplikasi atau perkhidmatan secara online yang membolehkan seseorang melaksanakan urusanniaga secara elektronik bersama pihak lain melalui pertukaran wang digital (e-Money) dengan sesuatu barangan atau perkhidmatan. Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji status deposit e-Money dalam e-Wallet, jenis akaun penyimpanan e-Money, status ganjaran e-Wallet dan status pengeluarannya menurut syariah kerana setiap apa-apa bentuk pengurusan kewangan semasa kini memerlukan kepatuhan syariah seperti yang dituntut kepada umat islam. Kajian memfokuskan status e-Money pada tiga syarikat penyedia iaitu Touch 'n Go eWallet, Grab Pay dan Boost. Metodologi kajian ini menggunakan kaedah kualitatif berdasarkan analisis kandungan untuk mendapatkan data dari sumber primer dan sekunder. Kajian ini mendapati e-Money yang terdapat pada ketiga-tiga e-Wallet yang dikaji secara umumnya dianggap halal tetapi masih terdapat perkara-perkara yang memerlukan kajian lanjutan.

KATA KUNCI

e-Money, e-wallet, tambah nilai, ganjaran, syariah

ABSTRACT

E-Wallet or digital wallet is an electronic application or online service that allows a person to perform electronic transactions with other parties through the exchange of digital money (e-Money) with a product or service. The objective of this study is to examine the status of e-Money deposit in e-Wallet, type of e-Money storage account, e-Wallet reward status and withdrawal status according to sharia because every such form of financial management nowadays requires shariah compliance as demanded by muslims. It will focus on three providers namely Touch 'n Go eWallet, Grab Pay and Boost. The methodology of this study uses qualitative approach based on content analysis to obtain data from primary and secondary sources. It reveals that e-Money in the aforementioned e-Wallets are generally considered halal but several issues need further studies.

KEYWORDS

e-Money, e-wallet, reload, rewards, sharia

Article History

Received: March 17, 2022

Revised: July 4, 2022

Accepted: August 2, 2022

Published: December 15, 2022

✉ Contact

Amir Fazlim Jusoh Yusoff
(Corresponding Author)
amiry@ukm.edu.my

Citation

Khairul Azmil Md Noor & Amir Fazlim Jusoh Yusoff. 2022. Status Patuh Syariah E-Money Akaun Jenama E-Wallet Popular Di Malaysia. *Journal of Contemporary Islamic Law*. 7(2): 11-18.

Copyright

© 2022 by the author(s)



This work is licensed under a Creative Commons Attribution-NonCommercial 4.0 International License. (<https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>)

PENDAHULUAN

Sejak berkurun lamanya, manusia sudah pun mempraktikkan jual beli dalam kehidupan seharian mereka. Perkara ini telah pun menjadi lumrah bagi kehidupan manusia yang berkomuniti di antara satu sama lain. Selain daripada penjual, pembeli, barangan (*mutsmān*), dan *ijab qabul*, mata wang (*tsaman*) merupakan salah satu rukun dan memainkan peranan penting dalam pelaksanaan transaksi jual beli (Syarbini Khatib 1997). Barangan-barangan yang

hendak diperolehi sukar untuk dicapai tanpa adanya barang tukaran ataupun matawang.

Menurut Mukherjee (2005) mata wang merupakan satu item yang digunakan untuk pembayaran barangan atau perkhidmatan dan pelunasan daripada hutang. Perkara ini menggambarkan satu keyakinan orang terhadap wang yang digunakan dalam sesuatu urusan. Satu ketika dahulu biji kopi, tembakau dan roti digunakan sebagai wang kerana keyakinan orang ramai terhadap barangan ini.

Bersesuaian dengan perubahan zaman dan masa, sistem mata wang berubah-ubah mengikut kehendaknya. Daripada penggunaan sistem *barter* kemudian bertukar kepada dinar emas seterusnya berubah kepada wang kertas (*fiat*) yang berasaskan nilai emas sehinggalah wang kertas itu sendiri dinilai oleh sesama manusia tanpa berasaskan emas, kesemua ini berevolusi mengikut kehendak manusia di zaman tersebut (Salmy Edawati et al. 2008). Sehingga kini telah timbul sistem mata wang secara maya (*online*) yang dinamakan *e-Money*. Antara platform penggunaan *e-Money* sebagai medium transaksi adalah melalui sistem pembayaran wang tunai secara *online* yang diberi nama *e-Wallet*.

Semenjak terciptanya sistem *e-Wallet* beberapa tahun yang lepas, telah timbul beberapa masalah dan persoalan berkenaan dengannya dari sudut syariah mahupun dari sudut yang lain. Antara contoh isu yang berbangkit pada *e-Wallet* adalah terdapat perangkap riba melalui ganjaran (Asmadi Naim 2019), akaun penyimpanan *e-Money* sama ada konvensional atau islamik (Ahmad Sufyan 2019), hukum tidak memulangkan kembali *e-Money* pengguna (Asmadi Naim et.al 2019) dan lain-lain lagi. Kini terdapat lebih kurang 50 lebih jenis *e-Wallet* yang menempatkan *e-Money* ditawarkan di pasaran bersaing antara satu sama lain (Celcom 2021).

Kepatuhan Syariah yang berkaitan dengan pengurusan kewangan amat penting difahami oleh masyarakat agar urusan tersebut dapat menjamin kesejahteraan di dunia dan juga di akhirat. Oleh kerana itu, Islam menggalakkan agar pencarian harta dan rezeki dengan jalan dan cara yang betul (Ghani & Mohamad 2009). Apabila mereka memahaminya maka akan melahirkan masyarakat yang menitik beratkan perkara yang berkaitan dengan syariah lebih-lebih lagi berkaitan dengan harta. Masyarakat islam di Malaysia merupakan antara masyarakat yang amat menitik beratkan berkaitan syariah berpunca daripada kefahaman berkenaan dengannya. Ikon penubuhan Bank Islam Datuk Dr Abd Halim Ismail telah menyatakan bahawa sebab utama tertubuhnya Bank Islam adalah disebabkan desakan umat islam di Malaysia yang tidak mahu berurusan dengan bank konvensional kerana terdapatnya unsur riba (Nor' Asyikin 2017). Oleh yang demikian, maka para ulama semasa juga berusaha untuk mengenalpasti sama ada pengurusan kewangan *e-Money* dan *e-Wallet* ini patuh syariah atau tidak berdasarkan kaedah-kaedah syarak disamping menambahbaik sistem tersebut.

Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk menganalisis isu-isu syariah berkaitan dengan *e-Money* di dalam jenama *e-Wallet* yang banyak digunakan oleh rakyat Malaysia dan cuba memberi alternatif lain supaya kepatuhan syariah itu tercapai kerana mengambilkira kepentingan dan sensitiviti umat islam di Malaysia terhadap kepatuhan syariah. Disebabkan dunia kini bersiap sedia dengan Revolusi Industri 4.0, maka sistem berteraskan *e-Money* dan *e-Wallet* ini akan makin berkembang dari masa ke semasa. Kemungkinan penggunaan kedua-duanya

lebih luas berbanding dengan mata wang fizikal pada masa akan datang.

DEFINISI E-MONEY DAN E-WALLET

Menurut definisi Bank Negara (2021), *e-Money* merupakan instrumen pembayaran yang menyimpan nilai monetari yang dibayar terlebih dahulu oleh pengguna kepada pengeluar *e-Money* (EMI). *E-Money* boleh digunakan untuk membuat pembayaran bagi pembelian barangan dan perkhidmatan kepada peniaga yang menerima *e-Money* sebagai cara pembayaran. Pengguna *e-Money* juga boleh menghantarnya (*transfer*) kepada akaun atau bank pengguna lain, begitu juga sebaliknya menerima *e-Money* daripada pihak lain yang mana kesemuanya melalui perkhidmatan pemindahan dana dari suatu akaun ke suatu akaun yang lain dengan kebenaran pihak pengelola *e-Money* (BNM 2021).

Manakala *e-Wallet* pula penulis tidak menjumpai takrifan daripada Bank Negara ataupun mana-mana sumber primer berkenaan dengannya. Menurut Wan Nurliza et.al (2021) *e-Wallet* atau dompet digital adalah merupakan peranti elektronik atau perkhidmatan secara *online* atau aplikasi perisian yang membolehkan seseorang melaksanakan urusaniaga secara elektronik bersama pihak lain melalui pertukaran (*bartering*) wang digital dengan sesuatu barangan atau perkhidmatan. *E-Wallet* menerusi aplikasi telefon pintar mampu merekodkan semua transaksi kewangan melalui *e-Money*, kad debit atau kad kredit. Walau bagaimanapun, untuk melaksanakan sesuatu transaksi melalui *e-Wallet*, tanpa menggunakan kad kredit dan kad debit, pengguna memerlukan *e-Money* bagi memastikan transaksi tersebut berjaya dilaksanakan.

Wan Nurliza et.al (2021) menambah lagi bahawa berdasarkan definisi yang disebut, terdapat perbezaan di antara *e-Wallet* dan *e-Money*. *E-Wallet* berperanan sebagai dompet elektronik yang wujud di dalam bentuk aplikasi di telefon pintar yang menyimpan semua bentuk instrumen pembayaran, tidak terhad kepada *e-Money*, kad kredit atau kad debit dan ia merekodkan segala bentuk transaksi yang dilakukan. Pembayaran menggunakan *e-Wallet* boleh dilaksanakan dengan menggunakan *e-Money*, kad kredit atau kad debit. Pengguna hanya perlu mengimbas (*scan*) di kod *Quick Response* (QR) atau melalui sentuhan kad pada terminal bayaran kad *Paywave* di kaunter bayaran. *E-Money* pula adalah alternatif kepada tunai fizikal yang berfungsi sebagai penyimpan nilai wang secara elektronik. Ia boleh berada di dalam bentuk kad dan juga *e-Wallet*. Kad *Touch 'n Go* merupakan salah satu bentuk *e-Money*. Apabila aplikasi *e-Wallet* diperkenalkan *Touch 'n Go* turut memperkenalkan *Touch 'n Go e-Wallet*. *E-money* turut digunakan sebagai medium bayaran yang dibayar kepada pengeluar *e-Money* dan boleh digunakan untuk transaksi bayaran kepada pihak-pihak lain selain daripada pengeluar *e-Money* tersebut. Contoh *e-Money* yang berasaskan kad ialah seperti

BigPay, *AEON Wallet*, dan *Merchantrade Money e-wallet*. Manakala contoh *e-Money* yang berasaskan rangkaian (*network*), seperti *WeChat Pay*, *Grab Pay*, *Boost*, *Touch 'n Go e-Wallet* (Wan Nurliza et al. 2021).

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini bersandarkan metod kualitatif melalui kaedah analisis data penulisan untuk merungkai permasalahan yang berkait dengan status *e-Money* di dalam akaun *e-Wallet* menurut syariah. Analisis data dijalankan dengan menggunakan metod deduktif melalui pemahaman dalil-dalil syarak dan pendapat-pendapat ulamak dan pengeluaran darinya apa yang berkaitan dengan isu kajian ini. Data-data yang terkumpul melalui deduktif ini digarap dan ditafsir berserta pandangan dari penulis untuk menjawab persoalan-persoalan kajian ini, lantas menjelaskan status *e-Money* sama ada patuh syariah dari sudut kemasukannya (*reload*) ke dalam akaun *e-Wallet*, status akaun penyimpanannya, status ganjaran dan statusnya apabila tidak boleh melakukan pengeluaran (*withdraw*). Artikel ini akan menjadikan *Touch 'n Go eWallet*, *Grab Pay* dan *Boost* sebagai kajian kes.

SKOP KAJIAN

Skop kajian ini akan mengkaji status *e-Money* yang terdapat pada *e-Wallet* dari sudut kemasukannya kedalam akaun *e-Wallet*, status simpanan *e-Money* didalam akaun *e-Wallet*, status ganjaran *e-Wallet* dan status pengeluaran *e-Money* daripada *e-Wallet* berdasarkan syariah. Kajian ini akan memfokuskan kepada tiga jenis *e-Wallet* yang popular di pasaran iaitu *Touch 'n Go eWallet*, *Grab Pay* dan *Boost* kerana ketiga-tiga *e-Wallet* ini mendapat permintaan yang tinggi oleh rakyat Malaysia pada tahun 2021 (Celcom 2021), selain itu ketiga-tiganya merupakan syarikat *e-Wallet* yang terlibat dengan program kerajaan seperti *e-Tunai* yang menawarkan kemasukan RM30 bagi setiap pendaftaran ketiga-tiga *e-Wallet* itu (BERNAMA 2019) begitu juga program *ePenjana* yang menawarkan kemasukan RM50 bagi setiap pendaftaran ketiga-tiga *e-Wallet* tersebut (Hazwan Faisal 2020). Tambahan lagi ketiga-tiga syarikat *e-Wallet* itu juga dilihat belum diiktiraf patuh syariah berbeza dengan *e-Wallet* yang lain seperti MAE (2020) dan MBSB (2020) yang sudah diiktiraf patuh syariah. Kajian kes ini akan menggunakan keputusan Majlis Penasihat Syariah Bank Negara (2020) dalam beberapa perkara berkenaan dengan *e-Wallet* sebagai panduan kepada analisis ini.

ANALISIS ISU

Secara umumnya mekanisma kemasukan (*reload*) *e-Money* ke dalam akaun *e-Wallet* ada dua sama ada melalui *online banking* atau pun melalui kad kredit (*Touch 'n Go eWallet* 2021; *Grab t.th*; *Boost t.th*). Masalah kemasukan *e-Money* kedalam *e-Wallet*

menurut syariah bagi penulis adalah status *e-Money* yang didepositkan ke dalam akaun *e-Wallet* melalui kad kredit. Seperti yang diketahui kad kredit konvensional khususnya telah menimbulkan perbincangan berkenaan dengan riba sejak sekian lama. Oleh yang demikian, bagaimanakah status *e-Money* yang dimasukkan ke dalam akaun *e-Wallet* melalui kad kredit konvensional yang berdasarkan akad pinjaman beserta riba tersebut kerana *Majma' Fiqh al-Islami* (2000) telah menyatakan larangan penggunaannya.

Setelah kemasukan *e-Money* kedalam akaun *e-Wallet*, timbul pula persoalan sama ada akaun tersebut akaun islamik ataupun akaun konvensional. Sekiranya disimpan di dalam akaun konvensional maka perkara tersebut tidak lepas daripada permasalahan ketidak patuhan syariah kerana akaun konvensional banyak berurusan dengan perkara-perkara haram dan tidak patuh syariah (Ahmad Sufyan 2019; Asmadi et.al 2019). Perbincangan ini merupakan antara perbincangan yang popular dikalangan ilmuan-ilmuan kewangan Islam di Malaysia.

Selain itu, status ganjaran *e-Money* juga menjadi perbualan yang hangat dikalangan ilmuan-ilmuan islam Malaysia berkisarkan sama ada ganjaran tersebut riba atau tidak. Sekiranya ganjaran tersebut adalah helah kepada riba maka jelas-jelas haram, apabila sebaliknya maka halal ganjaran tersebut (Asmadi Naim 2019; Ahmad Sufyan 2019; Asmadi Naim et.al 2019)). Disamping itu apakah ganjaran tersebut melibatkan transaksi dengan perkara-perkara yang haram disisi syarak, jika yang demikian maka haram juga ganjaran tersebut.

Permasalahan terakhir bagi penulis adalah status pengeluaran (*withdraw*) *e-Money* daripada akaun *e-Wallet* sekiranya *e-Money* tersebut tidak boleh dikeluarkan sama ada *withdraw* secara biasa ataupun kerana pembatalan (*terminated*) akaun *e-Wallet*. Apakah harus disisi syarak berkenaan dengan perkara ini? Apakah *takyif fiqhi* berkenaan dengannya? (Asmadi Naim et.al 2019)

STATUS E-MONEY YANG DIMASUKKAN (RELOAD) MELALUI KAD KREDIT KONVENSIONAL

Kad kredit ialah kad yang membolehkan pemegangnya memperoleh barangan, perkhidmatan dan wang secara tunai melalui kontrak atau perjanjian yang berlaku antara pemegang dan syarikat pengeluar atau bank dan mereka bersetuju dengan syarat-syarat yang telah ditentukan. Secara mudah untuk difahami, kad kredit memberi kuasa kepada pemegangnya untuk membeli barangan atau melanggan perkhidmatan secara kredit (Fadhillah Mansor 2004).

Yang menjadi persoalan kini, adakah kemasukan *e-Money* ke dalam akaun *e-Wallet* melalui kad kredit konvensional halal ataupun tidak? Seperti yang diketahui perbincangan kad kredit ini telah menimbulkan perbincangan yang luas sejak dari dulu lebih-lebih lagi terdapat elemen riba di dalamnya.

Ilmuan-ilmuan ini bersepakat diatas pengharaman pensyarat riba (*interest*) tanpa mengira awal atau lewat pelunasan hutang (Ibn Qudamah 1997) tetapi berbeza pendapat pada pengguna yang mampu membayar hutang tepat pada waktunya meskipun kad kredit telah mensyaratkan adanya riba apabila lewat melunaskan hutang. Berdasarkan apa yang diputuskan oleh *Majma' Fiqh al-Islami* (2000) kad kredit yang terdapat riba padanya haram digunakan walaupun pengguna kad mampu membayar pinjaman pada waktu yang ditetapkan, ini juga merupakan pendapat Sadiq Dharir (2000). Bagaimanapun pendapat tersebut berlawanan dengan segelintir ilmuan seperti Abd al-Sattar Abu Ghuddah (2000) yang membenarkan penggunaan kad kredit sekiranya mampu melunaskannya pada waktu yang ditetapkan.

Meskipun yang demikian, menurut *Jami'ah al-Najah al-Watonyah* (2019) barang pembelian melalui kad kredit tidak haram kerana dosa tersebut berkait dengan tanggungan hutang dan tidak pada zat barang yang dibeli. Ini bertepatan dengan pendapat didalam mazhab Hanafi dan Mazhab Hanbali yang menyatakan syarat riba pada akad pinjaman adalah *fasid* (Ibn Abidin 2003; al-Bahuti 1983) dan akad yang dimerterai bersama tetap sah, oleh itu status duit pinjaman itu tetap harus dan sah pembelian dengannya. Yang dianggap haram adalah bunga riba sahaja. Manakala menurut mazhab Maliki dan Syafie pula, akad yang disyaratkan dengan riba adalah batil dan tidak sah lalu segala duit pinjaman kesemuanya menjadi haram (Zuhayli 1985; 1986)

Berdasarkan apa yang disebut oleh mazhab Hanafi, segala duit yang dipinjam kepada bank melalui akad riba selain tambahan riba itu masih halal kerana akad tersebut masih sah manakala yang haram hanyalah tambahan riba ketika penulasan hutang tersebut, ini bersalahan dengan mazhab Syafie dan Maliki yang menyatakan tidak sah akad tersebut lalu menyebabkan duit yang dipinjam itu menjadi tidak halal. Maka dengan yang demikian *e-Money* yang dipinjam melalui kad kredit itu masih dianggap halal berdasarkan pandangan mazhab Hanafi malah penggunaannya harus menurut sesetengah ulama seperti Abd al-Sattar Abu Ghuddah bagi pengguna kad kredit yang mampu melunaskannya tepat pada masanya.

Berdasarkan penelitian penulis juga *Touch 'n Go eWallet*, *Grab Pay* dan *Boost* tidak mensyaratkan apa-apa jenis kad kredit sama ada Islamik atau konvensional. Walaupun yang demikian, status *e-Money* itu tetap halal berdasarkan salah satu pendapat mazhab Hanafi meskipun melalui kad kredit konvensional. Walaupun begitu kewajaran bagi setiap muslim mengelakkan diri daripada terjerumus ke dalam dosa riba dan kita juga dituntut berpegang dengan kaedah *fiqh*

الخروج من الخلاف مستحب

Maksudnya: Keluar daripada *khilaf* (perselisihan) pendapat itu adalah sunat (diutamakan) (al-Suyuti 1983).

Bagi membentuk muslim yang bertakwa, maka tinggalkanlah penggunaan kad kredit konvensional dan bertukarlah ke kad kredit islamik ataupun gunakan sistem pembayaran moden yang lain seperti *online banking* dengan akaun amanah islamik.

STATUS AKAUN SIMPANAN *E-MONEY*

Sekiranya akaun simpanan *e-Wallet* merupakan akaun islamik maka perkara tersebut tidak menandatangani apa-apa masalah malah dianggap patuh syariah. Manakala sekiranya menggunakan akaun konvensional maka perkara ini amat bermasalah dari sudut syariah. Ini kerana akaun konvensional banyak melibatkan diri dengan industri-industri yang tidak patuh syariah disamping akaun konvensional lebih berasaskan pinjaman beserta riba yang haram, sepertimana disebut didalam Kertas Kerja Bank Muamalat Malaysia (t.th).

Perkara ini masih menjadi perkara yang kabur bagi akaun *Touch n' Go eWallet* (t.th), *Grab Pay* (2022) dan *Boost* (t.th) kerana pihak mereka tidak menyatakan dimanakah simpanan *e-Money* pengguna diletakkan dan ketiga-tiga *e-Wallet* ini juga masih belum mendapat status patuh syariah setakat penelitian penulis sebagaimana beberapa *e-Wallet* yang sudah diiktiraf patuh syariah seperti MAE (2020) dan MBSB (2020). Walaubagaimanapun *Touch 'n Go eWallet* telah memperkenalkan *Touch 'n Go GO+* yang menawarkan pelaburan beserta pulangan kepada pengguna. *Touch 'n Go eWallet GO+* ini sudahpun mendapat pengiktirafan patuh syariah pada 2021 (*Touch 'n Go eWallet* 2021). Ahmad Sufyan (2022) mengesyorkan pengguna *e-Wallet Touch 'n Go* untuk memindahkan *e-Money* dari akaun biasa ke akaun *GO+*, ini kerana akaun *GO+* ini tidak melibatkan perkara-perkara yang tidak patuh syariah. Beliau juga ada menyatakan apa-apa *e-Wallet* termasuk *Touch 'n Go*, *Grab Pay* dan *Boost* tidak dapat diketahui sama ada disimpan didalam akaun islamik atau konvensional (Ahmad Sufyan 2022).

Majlis Penasihat Syariah Bank Negara (2020) sudah memerintahkan pengelola *e-Wallet* untuk meletakkan dana *e-Money* mereka kedalam akaun yang patuh syariah. Bagaimanapun tidak diketahui sama ada *Touch 'n Go eWallet*, *Grabpay* dan *Boost* patuh dengan arahan tersebut atau tidak. Maka diaplikasikan kaedah

الأصل براءة الذمة

Maksudnya: Asal sesuatu itu berlepas diri daripada kesalahan (al-Suyuti 1983).

Oleh kerana itu selagimana ketiadaan bukti *Touch 'n Go eWallet*, *Grab Pay* dan *Boost* melanggar arahan Bank Negara, selagi itu ketiga-tiga *e-Wallet* dianggap mematuhi apa yang diarahkan oleh Bank Negara.

STATUS PULANGAN GANJARAN *E-WALLET*

Ganjaran *e-Wallet* pada penelitian penulis terdapat dua jenis iaitu *cashback* (pemberian semula tunai) dan rebat. Menurut Desiree Nair (2022) *cashback* ialah ganjaran yang mengembalikan peratusan wang yang telah anda belanjakan. Sebagai contoh, kita dijanjikan pulangan tunai 5% untuk perbelanjaan runcit yang kita buat. Jika kita membuat transaksi RM100 pembelian barangan runcit, maka sepatutnya kita menerima RM5 semula.

Bagi rebat pula menurutnya juga rebat tunai merupakan promosi yang menawarkan untuk 'membayar balik' sejumlah harga jualan. Apabila diperhatikan rebat tunai pada dasarnya adalah sejenis diskaun. Sebagai contoh, jika kereta yang kita ingin beli disenaraikan pada harga RM50,000 dengan tawaran rebat tunai sebanyak RM5,000 – harga pembelian sebenar kereta selepas rebat hendaklah RM45,000 (Desiree Nair 2022).

Berdasarkan apa yang ditulis oleh beliau *cashback* merupakan ganjaran dalam bentuk pulangan nilai tertentu setelah berbelanja sesuatu barangan dengan harga tertentu manakala rebat pula adalah potongan harga sesuatu nilai barang dengan nilai yang tertentu seumpama pihak lain membayarkan sedikit jumlah nilai barangan yang kita beli.

Selain masalah akaun konvensional, ganjaran yang ditawarkan menjadi permasalahan besar dalam sistem *e-Wallet* menurut syariah. Kerana bagi mereka yang menimbulkan permasalahan ini menganggap pulangan ganjaran merupakan helah riba bagi pinjaman bagi pihak pengelola *e-Wallet* (Asmadi Naim 2019). Ini bermaksud pengguna memberi pinjaman kepada syarikat *e-Wallet* lalu mereka membayar balik pinjaman tersebut beserta riba melalui ganjaran *cashback* atau rebat.

Punca utama permasalahan pada perkara ini kerana pihak *Touch 'n Go eWallet* (t.th), *Grab Pay* (2022) dan *Boost* (t.th) tidak menyatakan akad yang mendasari sistem mereka. Sekiranya akad *qard* (pinjaman) maka akan berlaku riba melalui ganjaran yang ditawarkan. Walaubagaimanapun menurut Majlis Penasihat Syariah Bank Negara (MPS) (2020) akad yang mendasari *e-Wallet* secara asasnya merupakan akad *wakalah* tanpa menyatakan *wakalah* beserta upah atau pun tidak. Maka disebabkan ini tidak timbul unsur riba padanya.

Tambahan lagi, syarikat-syarikat *e-Wallet* seperti *Touch 'n Go*, *Grab Pay* dan *Boost* ini tidak mensyaratkan kemasukan dana simpanan *e-Money* ke dalam akaun *e-Wallet* kelolaan mereka pasti akan menjanjikan ganjaran tambahan sepertimana *interest* dalam simpanan akaun bank konvensional (*Touch n' Go eWallet* t.th) (*Grabpay* 2022) (*Boost* t.th). Perkara ini bertepatan dengan keputusan MPS (2020) yang menyatakan ganjaran *e-Wallet* tidak dianggap riba apabila tiada syarat tersebut. Sekiranya pun ada, ganjaran tersebut adalah secara bertempoh dan untuk orang-orang tertentu sahaja sepertimana promosi *cashback* RM2 selepas melakukan isian semula RM10

melalui mana-mana bank ke dalam akaun *e-Wallet Touch n' Go* (*Touch n' Go eWallet* 2020). Setakat penelitian penulis, kebanyakan *cashback Touch 'n Go eWallet*, *Grab Pay* dan *Boost* diperoleh melalui transaksi pembelian dan perkhidmatan. Jarang bagi pihak mereka menawarkan *cashback* melalui isian semula.

Penulis berpendapat bahawa ganjaran ini akan menjadi haram bukan disebabkan riba tetapi haram kerana terhasil daripada transaksi perkara-perkara yang tidak patuh syariah kerana majoriti ulama menyatakan pengharaman dana yang terhasil daripada perkara yang tidak patuh syariah seperti Ibn Nujaim (1999), Abu Zaid al-Qairawani (1983), al-Syirazi (2005) dan al-Mardawi (1956).

Ganjaran-ganjaran yang ditawarkan biasanya tidak diletakkan syarat transaksi mesti berdasarkan patuh syariah dan tidak melibatkan perkara yang haram. Antara contoh berikut seperti *Touch 'n Go eWallet* yang pernah menawarkan *cashback* tanpa meletakkan syarat barang yang patuh syariah di platform *Lazada* (*Touch n' Go eWallet* 2020). Selain itu pasaraya *Lotus's Tesco* pernah menawarkan *cashback* juga tanpa syarat barangan patuh syariah menggunakan aplikasi *Boost* manakala bagi menggunakan *Grab Pay* akan memperoleh rebat yang boleh digunakan untuk apa-apa transaksi seterusnya (*Lotus's Tesco* 2021).

STATUS *E-MONEY* YANG TIDAK BOLEH DIKELUARKAN (*WITHDRAW*)

Terdapat dua jenis *withdraw*, yang pertama *withdraw* tanpa menamatkan (*terminated*) perkhidmatan *e-Wallet* dan yang kedua adalah *withdraw* kerana menamatkan perkhidmatan *e-Wallet*.

Setelah diselidiki tidak semua akaun membenarkan pengeluaran atau *withdraw e-Money* daripada akaun *e-Wallet* masing-masing tanpa menamatkan perkhidmatan *e-Wallet* masing-masing. *Touch n' Go eWallet* membenarkan *withdraw* dengan akaun pelaburan *GO+*, tidak pada akaun biasa (*Touch 'n Go eWallet* 2021). Bagi pengguna *Boost* pula, mereka boleh melakukan *bank transfer* ke bank pengguna sendiri sekiranya menggunakan *wallet* jenis *premium* tidak bagi *basic wallet* (*Boost* t.th). Manakala *Grab Pay* pula mereka membenarkan *withdraw e-Money* secara langsung (*Grab* 2022).

Bagi yang pembatalan akaun ketiga-tiga *e-Wallet* ini, ketiga-tiga *e-wallet* tersebut membenarkan pembatalan penggunaan aplikasi mereka dan *e-Money* didalam akaun *e-Wallet* boleh dikeluarkan (*refund*) dengan syarat-syarat yang tertentu (*Touch 'n Go eWallet* 2021; *Grab* t.th; *Boost* t.th).

Sebelum membahaskan status tersebut, hendaklah diketahui *e-Wallet* ini beroperasi berdasarkan akad *wakalah* tanpa upah sepertimana yang disebut oleh Majlis Penasihat Bank Bank Negara (2020). Oleh yang demikian, perkara tersebut mengambil kira syarat pembatalan akad *wakalah* dan hendaklah diketahui dahulu apakah sifat akad

wakalah ini sama ada (i) *lazim* bagi kedua-dua pihak yang berakad atau (ii) *lazim* pada satu pihak dan *jaiz* pada pihak yang lain atau (iii) *jaiz* bagi kedua-dua belah pihak.

Bagi (i) akad *lazim* untuk kedua-dua belah pihak, mereka tidak boleh membatalkan akad tanpa persetujuan pihak antara satu sama lain kerana kedua-duanya ada hak atas kelaziman itu. (ii) Jenis yang kedua pihak yang *lazim* boleh membatalkan sesuka hati akad tanpa persetujuan yang *jaiz*, manakala yang *jaiz* perlu mendapat persetujuan yang *lazim* bagi membatalkan akad. (iii) Jenis yang ketiga dibenarkan mana-mana pihak membatalkan akad tanpa persetujuan antara satu sama lain kerana kedua-dua pihak bersifat *jaiz* (Syarbini Khatib, 1997).

Terdapat tiga pendapat berkenaan sifat akad *wakalah*. (i) Pendapat pertama berpendapat akad *wakalah* merupakan akad *jaiz* bagi kedua-dua belah pihak sama ada wakil dan *muwakkil*. Ini merupakan pendapat jumhur ulama daripada mazhab Hanafi, Maliki, Syafie dan Hanbali (Syarbini Khatib 1997; Ibn Abidin 2003; al-Dardir t.th; al-Bahuti 1983). (ii) Bagi pendapat kedua, sekiranya *wakalah* beserta upah seperti akad *ijarah* maka akad menjadi *lazim* bagi kedua-dua belah pihak sepertimana akad *ijarah*. Ini apa yang disebut oleh sesetengah mazhab Maliki dan Syafie (Ibn Syas 2003; Syarbini Khatib 1997). (iii) Pendapat ketiga pula akad *wakalah* merupakan akad *lazim* bagi pihak wakil dan *jaiz* bagi pihak *muwakkil* sekiranya tanpa upah (Ibn Syas 2003).

Apabila akad *wakalah* terbatal maka apa-apa asset pada wakil hendaklah dipulangkan semula kepada *muwakkil* seperti yang disebut oleh Bank Negara (2016). Oleh yang demikian *e-Money* didalam akaun *e-Wallet* hendaklah dipulangkan kepada pengguna *e-Wallet* tersebut setelah berlakunya pembatalan penggunaan *e-Wallet* itu. Bagi penulis pengeluaran *e-Money* daripada akaun *e-Wallet* tanpa pembatalan penggunaannya juga mengambil konsep pembatalan *wakalah* juga. Kerana penulis beranggapan, akad *wakalah* bagi *e-Wallet* sempurna setelah memasukkan *e-Money* ke dalam akaun *e-Wallet* sebagai tanda pengelola *e-Wallet* menjadi wakil kepada penyimpanan dan pelaksanaan apa-apa transaksi dengan *e-Money* itu. Maka akad *wakalah* akan menjadi batal apabila pengguna (*muwakkil*) mahu melakukan pengeluaran *e-money* tersebut contohnya kita mempunyai RM100 didalam akaun *e-Wallet* dan mahu mengeluarkan RM70 daripadanya, maka akad *wakalah* telah terbatal dengan nilai RM70 yang dikeluarkan itu, manakala RM30 yang berbaki didalam akaun *e-Wallet* itu masih dalam status *wakalah*.

Bagaimanapun terdapat satu pendapat dalam mazhab Maliki (Ibn Syas 2003) iaitu pendapat ketiga yang menyatakan akad *wakalah* *lazim* pada wakil (pengelola *e-Wallet*) dan *jaiz* pada *muwakkil* (pengguna *e-Wallet*). Maka berdasarkan pendapat ini maka pihak pengelola berhak tidak membenarkan pengeluaran *e-Money* daripada akaun *e-Wallet*. Pendapat ini juga dipraktikkan didalam duit simpanan

Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang antaranya tidak dibenarkan pengeluarannya daripada akaun sebelum mencecah umur 55 tahun berdasarkan akta seksyen 55A (KWSP 2021) yang mana pihak KWSP juga mengaplikasikan akad *wakalah* dalam sistem pengoperasian mereka (KWSP t.th).

Menurut penulis, pengelola *e-Wallet* berhak untuk tidak membenarkan pengeluaran *e-Money* bagi pengguna yang tidak menamatkan penggunaannya bertepatan dengan apa yang dilakukan oleh KWSP. Meskipun begitu membenarkan pengeluarannya adalah lebih baik dan bertepatan dengan jumhur ulama kerana pengguna *e-Wallet* lebih berhak terhadap *e-Money* mereka. Bagi akaun yang telah ditamatkan, menjadi kewajiban bagi pihak pengelola *e-Wallet* memulangkan semula dana *e-Money* kepada tuannya semula dan tidak hangus begitu sahaja kerana kedua-dua belah pihak sudah dianggap setuju untuk membatalkan akad *wakalah*. Ini juga bertepatan dengan konsep *hifz al-mal* didalam maqasid syariah dan kaedah syarak

الأصل في جميع العقود العدل

Maksudnya: Asas kepada seluruh akad muamalah adalah keadilan (Ibn Taimiyyah 2005)

KESIMPULAN

Berdasarkan keempat-empat fokus perbincangan, penulis menganggap status *e-Money* pada *Touch 'n Go eWallet*, *Grab Pay* dan *Boost* secara asasnya halal tetapi bersifat *syubhah* lebih-lebih lagi status akaun *e-Wallet* yang tidak diketahui sama ada islamik atau konvensional. Antara masalah lain lagi ketiga-tiga *e-Wallet* tidak menyatakan secara jelas akad apa yang mendasari sistem mereka, sekiranya *wakalah* mungkin tiada masalah tetapi sekiranya menggunakan *qard* maka ganjaran yang ditawarkan boleh dianggap sebagai riba. Walaubagaimanapun perkara-perkara ini masih dianggap harus berdasarkan kaedah "asal sesuatu itu adalah sah".

Cadangan penulis bagi merealisasikan *e-Wallet* yang patuh syariah adalah hendaklah pihak pengelola *e-Wallet* hanya membenarkan kemasukan *e-Money* melalui *online banking* akaun islamik sahaja dan menghadkan hanya pada kad kredit yang islamik serta dinyatakan dalam terma dan syarat bahawa akad yang digunakan bukan akad *qard*. Selain itu pihak pengelola hendaklah memasukkan dana *e-Money* kedalam akaun islamik serta menjelaskan hal tersebut kepada pengguna. Bagi ganjaran pula mestilah daripada transaksi yang halal serta elaklah daripada memberi ganjaran berdasarkan kemasukan dana dalam akaun kerana takut menyerupai riba akaun bank kecuali mereka menyatakan secara jelas mereka tidak meminjam dana *e-Money* itu. Akhir sekali *e-Money* hendaklah dibenarkan pengeluarannya daripada akaun *e-Wallet* sama ada ditamatkan atau tidak ditamatkan penggunaan *e-Wallet* supaya bertepatan dengan konsep *hifz al-mal* dalam maqasid syariah.

Bagi pihak pengguna yang masih mahu menggunakan ketiga-tiga *e-Wallet* ini, elakkan

penggunaan kad kredit konvensional serta menggunakannya untuk *reload* kedalam akaun *e-Wallet*, merebut-rebut ganjaran yang ditawarkan melibatkan ketiga-tiganya dan melakukan apa-apa transaksi yang haram. Manakala alternatif yang terbaik dan tidak bersifat *syubhah* untuk pengguna umat Islam Malaysia adalah bertukar kepada *e-Wallet* yang sudah disahkan patuh syariah seperti MAE dan MBSB.

RUJUKAN

- Abd al-Sattar Abu Ghuddah, Sadiq Darir. (2000). *Majallah Majma' Fiqh al-Islami al-Daurah al-Tsaniata a'syara*. Bank Abu Zhubi al-Islami.
- Ahmad Sufyan. (2019). Perkhidmatan E-Wallet Dalam Fiqh Muamalat Islam. Konvensyen Fiqh Dan Teknologi Peringkat Kebangsaan 2019.
- Ahmad Sufyan. (2022). *RFID, ewallet TouchnGo dan GO+*. Facebook muamalat.my. <https://www.facebook.com/muamalat.my/posts/4815090765240301> [6 Februari 2022]
- Ahmad Sufyan. (2022). Isu Trust Akaun Dalam E-Wallet. Facebook muamalat.my. https://www.facebook.com/muamalat.my/posts/4817955158287195_ [6 Februari 2022]
- al-Bahuti, Mansur bin Yunus. (1983). *Kasysyaf al-Qina' an Matn al-Iqna'*. Beirut: 'Alam al-Kutub.
- Al-Dardir, Abu al-Barakat Ahmad bin Muhammad. (t.th). *Al-Syarh al-Soghir 'Ala Aqrab al-Masalik Ila Mazhab al-Imam Malik*. Al-Kaherah: Dar al-Ma'arif.
- Al-Mardawi, Ali bin Sulaiman. (1956). *Al-Insof Fi Ma'rifah al-Rajih Min al-Khilaf*. Maktabah al-Sunnah al-Muhammadiyah.
- al-Nawawi, Abu Zakaria Yahya bin Sharaf, al-Syirazi, Abu Ishaq Ibrahim. (2005). *al-Majmu' Sharh al-Muhazzab*. Oman: Bait al-Afkar al-Dauliyyah.
- al-Suyuti, Jalal al-Din Abd al-Rahman. (1983). *al-Ashbah wa al-Nazair fi Qawaid wa Furu' Fiqh al-Syafi'iyah*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Syarbini, Khatib. (1997). *Mughni al-Muhtaj ila Ma'rifah al-Ma'ani al-Minhaj*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- al-Zuhayli, Wahbah. (1985). *Fiqh al-Islami Wa Adillatuh*. Damsyik: Dar al-Fikr.
- al-Zuhayli, Wahbah. (1986). *Usul al-Fiqh al-Islami*. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Asmadi Mohd Naim. (2019). E-Wallet ada perangkap riba? <https://mytwocents.asia/e-wallet-ada-perangkap-riba/> [2 Januari 2020]
- Asmadi Mohd Naim et.al. (2019). Kajian awal penggunaan e-wallet (e-dompot) mengikut perspektif Syarak. Muzakarah Ahli Majlis Penasihat Syariah Institut Kewangan Islam Di Malaysia Kali Ke 15. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Bank Muamalat. (t.th). *Perbandingan Antara Bank Islam Dan Konvensional*. Ampang: Wahlito Printing.
- Bank Negara Malaysia. (2021). *Kertas Kerja Electronic Money*. BNM: Kuala Lumpur.
- Bank Negara Malaysia. (2016). *Kertas Kerja Wakalah*. BNM. Kuala Lumpur.
- Bank Negara Malaysia. (2020). *The Shariah Advisory Council of Bank Negara Malaysia (SAC) Ruling on E-Money as a Shariah Compliant Payment Instrument SAC's 201st Meeting and 26th Special Meeting on 29 and 30 January 2020*. BNM: Kuala Lumpur.
- Bernama. (2019). Touch 'n Go eWallet, Boost, Grabpay dipilih untuk inisiatif e-Tunai Rakyat'. <https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2019/12/640306/touch-n-go-ewallet-boost-grabpay-dipilih-untuk-inisiatif-e-tunai>
- Boost. (t.th). General. <https://www.myboost.com.my/terms/general/> [28 Oktober 2021]
- Boost. (t.th). *Refund Policy*. <https://www.myboost.com.my/terms/refund-policy/> [28 Oktober 2021]
- Boost. (t.th). *Wallet Type, Wallet Limit and Functionality*. <https://www.myboost.com.my/terms/wallet-type-wallet-limit-and-functionality/> [26 Oktober 2021]
- Celcom. (2021). *E-WALLET MALAYSIA: COMPARISON OF TOP 5 E-WALLETS IN MALAYSIA 2021* <https://www.celcom.com.my/blog/lifestyle-technology/2021/e-wallet-malaysia-comparison-of-top-5-e-wallets-in-malaysia-2021> [16 Jun 2021]
- Desiree Nair. (2022). *What Are the Differences Between Cash Back and Cash Rebates?* <https://ringgitplus.com/en/blog/banking/what-are-the-differences-between-cash-back-and-cash-rebates.html> [18 Februari 2022]
- Fadillah Mansor. (2004). Produk Kad Kredit Islam dan Aplikasinya di Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB). *Jurnal Syariah*, 12:1 (2004). 111-124.
- Grab. (t.th). *I want a refund of my GrabPay Balance*. <https://help.grab.com/passenger/en-my/115009014787-I-want-a-refund-of-my-GrabPay-Balance> [18 Oktober 2021]
- Grab. (t.th). *Top Up Grabpay Wallet*. <https://www.grab.com/my/pay/guide/top-up/> [18 Oktober 2021]
- Grab. (2022). *Terms of Service: Payment and Rewards*. <https://www.grab.com/my/terms-policies/payment-rewards/> [26 Jun 2022]
- Hamidi bin Abdul Ghani dan Nurul Akma bt Mohamad, (2009), *Maqasid Syariah Dalam Pentadbiran Negara*, Kota Bharu, Jabatan Al-Syariah KIAS.
- Hazwan Faisal Mohamad. (2020). Rakyat boleh tebus RM50 kredit ePenjana mulai esok.

- <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/07/716449/rakyat-boleh-tebus-rm50-kredit-epenjana-mulai-esok>
- Ibn Abi Zaid Al-Qairawani. (1983). *Al-Jami' fi As-Sunan Wa al-Adab wa al-Maghazi wal Tarikh*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- Ibn 'Abidin, Muhammad Amin. (2003). *Radd al-Muhtar 'ala al-Durr al-Mukhtar*. Al-Riyad: Dar 'Alim al-Kutub.
- Ibn Nujaim, Zain al-Din bin Ibrahim bin Muhammad. (1999). *Al-Asybah Wa al-Nazair 'Ala Mazhab Abi Hanafiah Nu'man*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiah.
- Ibn Qudamah, Abu Abdillah. (1997). *al-Mughni Sharh Mukhtasar al-Khiraqi*. al-Riyadh: Dar 'Alim al-Kutub.
- Ibn Taimiyyah, Ahmad. (2005). *Majmu' al-Fatawa*. Al-Mansurah: Dar al-Wafa'
- Ibn Syas, Jalal al-Din, Abdullah bin Najm. (2003). *Fiqh al-Jawahir al-Tsamimah Fi Mazhab 'Alim al-Madinah*. Dar al-Gharb al-Islami.
- Jami'ah al-Najah al-Watonyah. (2019). *المعاملات المالية المعاصرة > سؤال 7.297331*. <https://fatwa.najah.edu/question/ref-297331/> [18 Oktober 2021]
- KWSP. (2021). Akta KWSP 1991. <https://www.kwsp.gov.my/ms/about-epf/news-highlights/references/epf-act-1991>
- KWSP. (t.th). Kertas kerja Pilihan Simpanan KWSP Patuh Syariah.
- Majma' Fiqh al-Islami. (2000). *قرار بشأن موضوع بطاقات الائتمان غير المغطاة*. <https://iifa-aiifi.org/ar/2055.html> [7 Oktober 2021]
- Maybank. (2020). MAE (Maybank Anytime Anywhere) Frequently Asked Questions (FAQs). https://www.maybank2u.com.my/iwov-resources/pdf/personal/digital_banking/MAE-i_FAQ.pdf [1 Julai 2020]
- MBSB Bank. (2020). MBSB Bank E-wallet. <https://www.mbsbbank.com/bm/consumer-banking/banking-services/e-wallet> [3 Julai 2020]
- Nor 'Asyikin Mat Hayin. (2017). Bermula dengan desakan umat Islam. Metro Harian.
- Salmy Edawati et.al. (2008). Mekanisme Penggunaan Matawang: Satu Sorotan Sejarah. Working Paper in Islamic Economics and Finance No. 0815. UKM.
- Sampat Mukherjee. (2005) *Modern Economic Theory*, ed. ke-4, New Delhi: New Age International (P) Ltd.
- Tesco & Lotus's. (2021). *Campaign: Year End (e-Wallet) Campaign - Get RM10 Cashback , When spend min RM100*. [https://cms.tesco.com.my/WebLITE/Applications/news/uploaded/docs/2021/T&C-Year%20End%20Campaign%20\(e-Wallet\).pdf](https://cms.tesco.com.my/WebLITE/Applications/news/uploaded/docs/2021/T&C-Year%20End%20Campaign%20(e-Wallet).pdf) [6 Februari 2022]
- Touch 'n Go. (2021). Apakah GO+?. <https://support.tngdigital.com.my/hc/ms-my/articles/360056285754-Apakah-GO-> [25 Oktober 2021]
- Touch n' Go. (2021). *Can I cash out from my Touch 'n Go eWallet account?* <https://support.tngdigital.com.my/hc/en-my/articles/360036094533-Can-I-cash-out-from-my-Touch-n-Go-eWallet-account-> [25 Oktober 2021]
- Touch n' Go. (2021). *How can I reload my Touch 'n Go eWallet account?* <https://support.tngdigital.com.my/hc/en-my/articles/360035649094-How-can-I-reload-my-Touch-n-Go-eWallet-account-> [18 Oktober 2021]
- Touch n' Go. (2021). *If I terminate my Touch 'n Go eWallet and still have balance in it, how long does it take to refund?* <https://support.tngdigital.com.my/hc/en-my/articles/360036160173-If-I-terminate-my-Touch-n-Go-eWallet-and-still-have-balance-in-it-how-long-does-it-take-to-refund-> [18 Oktober 2021]
- Touch n' Go. (2020). *Reload and get RM2 cashback*. <https://www.tngdigital.com.my/reloadrm2cashback> [18 Oktober 2021]
- Touch n' Go. (2020). *LAZADA x Alipay x Touch 'n Go eWallet: Post-Covid-19 Promotion*. https://cdn-web.tngdigital.com.my/images/Lazada-Post-Covid/LAZADA_Post-Covid-19_FAQ.pdf [6 Februari 2022]
- Touch 'n Go. (t.th). User Terms and Conditions. https://cdn.tngdigital.com.my/s/tc_pages/tng_d_tc.html
- Wan Nurliza W. Ramli et.al. (2021). Penggunaan e-Wallet Di Malaysia: Analisa Dan Pandangan Menurut Perspektif Syariah. *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*. Vol. 23. No. 2 (2021). 44-54.

KANDUNGAN / CONTENTS

Perubahan Status Tanah Adat di Negeri Sembilan Menurut Perspektif Islam <i>Change Status of Customary Land in Negeri Sembilan According to Islamic Perspective</i> Mat Noor Mat Zain, Nur Amirah Azaldin & Azlin Alisa Ahmad	1-10
Status Patuh Syariah E-Money Akaun Jenama E-Wallet Popular Di Malaysia <i>Sharia Compliant Status of E-Money in Popular Malaysian E-Wallet Account</i> Khairul Azmil Md Noor & Amir Fazlim Jusoh Yusoff	11-18
Transaksi Mikro Item Permainan Atas Talian Menurut Perspektif Islam <i>Micro Transactions of Online Gaming Items According to Sharia</i> Iffah Abd Razak, Amir Fazlim Jusoh Yusoff	19-27
Konsep Pemilikan dalam Pembiayaan Perumahan dan Kenderaan berasaskan akad Ijarah di Perbankan Islam serta Kesannya Kepada Akad Hibah <i>The Concept of Ownership in House and Vehicle Financing of Islamic Banking Based on Ijarah Contract and its Effect on Hibah</i> Mohammad Syafiq Shaifuddin, Nik Abdul Rahim Nik Abdul Ghani	28-42
Sinergi Wakaf, Pendidikan dan Teknologi di Malaysia <i>The Synergy of Waqf, Education and Technology in Malaysia</i> Mohd Faizal Noor bin Ariffin, Mohammad Zaini bin Yahaya, Abdul Basir bin Mohamad, Amir Fazlim bin Jusoh Yusoff	43-53
Shari'ah Court's Decision and Respondent's View on Child Custody After Divorce in Kuala Lumpur and Selangor Akbar Kamarudin @ Abdul Shukor	54-65
Prakarsa Baitulmal dalam Menyantuni Tuntutan Harta Pusaka Mualaf oleh Waris Non Muslim Menerusi Pendekatan Siyāsah Shar'iyyah <i>Baitulmal Initiatives in Dealing With Muallaf Inheritance Claims by Non-Muslim Heirs According to Siyāsah Shari'iyyah</i> Sofiyah Mohd Suhaimin, Md Yazid Ahmad, Anwar Fakhri Omar	66-72
Perbandingan Kedudukan Haiwan Jallālah Menurut Pandangan Fuqaha Klasik dan Fatwa Semasa di Malaysia <i>Comparison of the Position of Jallālah Animals According to the Views of Classical Jurists and Current Fatwas in Malaysia</i> Kamarulzaman Mustappa, Muhammad Nazir Alias, Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim, Sahilah Abd. Mutalib, Mohd Hafiz Safiai	73-85
Rawatan Fecal Microbiota Transplantation (FMT) Menurut Maqasid Syariah <i>Treatment of Faecal Microbiota Transplantation (FMT) Based on Maqasid Shariah</i> Nur Solihah Isa, Muhammad Nazir Alias, Mohd Al Adib Samuri, Mohd Sham Kamis	86-93
Maqasid Syariah Dalam Kecharusan Hibah Ruqba <i>Maqasid Syariah in The Necessity of Hibah Ruqba</i> Nur Safina Mohd Sharif, Noor Lizza Mohamed Said	94-105

Journal of Contemporary Islamic Law

(2022)Vol. 7(2)

Editor-In-Chief

Dr. Nik Abd. Rahim Nik Abdul Ghani

Co-Editor

Assoc. Prof. Dr. Salmy Edawati Yaacob

Secretary

Dr. Nurul Ilyana Muhd Adnan

Senior Editor

Prof. Dr. Abdul Basir Mohamad

Prof. Dr. Mohd Nasran Mohamad

Assoc. Prof. Dr. Shofian Ahmad

Assoc. Prof. Dr. Zaini Nasohah

Assoc. Prof. Dr. Zuliza Mohd Kusrin

Assoc. Prof. Dr. Mohd Al Adib Samuri

International Editor

Dr. Abdel Wadoud Moustafa El Saudi

Dr. Harun Abdel Rahman Sheikh Abduh

Dr. Asman Taeali

Dr. Muhammad Yasir Yusuf

Dr. Ahmad Nizam

Dr. T. Meldi Kesuma

Sarjiyanto

Shinta Melzatia

Dr. Hamza Hammad

Dr. Nazlida Muhamad

Dr. Madiha Riaz

Dr. Naveed Ahmad Lone

Chief Managing Editor

Dr. Mat Noor Mat Zain

Arabic Copy Editor

Anwar Fakhri Omar

Bahasa Copy Editor

Dr. Mohd Zamro Muda

Dr. Md. Yazid Ahmad

Editor

Dr. Mohammad Zaini Yahaya

Dr. Azlin Alisa Ahmad

Dr. Mohd Hafiz Safiai

Published by:

Research Centre for Sharia,

Faculty of Islamic Studies,

Universiti Kebangsaan Malaysia,

43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

Suggested citation style:

Author, (2022), Title, Journal of Contemporary Islamic Law, 7(2), pages, <http://www.ukm.my/jcil>

eISSN 0127-788X

Copyrights:

This work is licensed under a Creative Commons Attribution-Noncommercial-No Derivative Works 3.0 Unported License

(<http://creativecommons.org/licenses/by-nc-nd/3.0/>).

You can download an electronic version online. You are free to copy, distribute and transmit the work under the following conditions: Attribution – you must attribute the work in the manner specified by the author or licensor (but not in any way that suggests that they endorse you or your use of the work); Noncommercial – you may not use this work for commercial purposes; No Derivate Works – you may not alter, transform, or build upon this work.